

HAL EHWAL KEDUDUKAN ISLAM DI INDONESIA

Bung Karno Bekerja Memecahkan Persatuan Umat Islam?

Semenjak akhir bulan November yang lalu (1955) Presiden Sukarno telah berkeliling di beberapa tempat di Indonesia dan sudah tentu dalam perkelilingan itu beliau telah member ucapan-ucapan yang berapi-api – dan sebagaimana biasa di antara ucapan-ucapan itu tidak kurang mendatangkan tuduhan-tuduhan, seperti ucapannya di Palembang dahulu, ada orang-orang yang menjadi alat penjajah, alat imperialis yang bekerja di atas dua cara untuk merobohkan kedudukan Republik Indonesia. Di antara cara-cara alat-alat imperialis itu untuk merobohkan kedudukan persatuan Indonesia ialah dengan cara memecah-belahkan umat Indonesia

(oleh Edrus)

Presiden Sukarno terkenal sebagai ahli pidato yang utama di dunia. Ucapan-ucapan beliau mudah sekali menaikkan semangat umat terutamanya pengikut-pengikutnya. Di dalam ucapan-ucapan yang selalu diucapkan beliau, menyatakan bahawa adalah tetap sebagai Presiden di dalam parlimen – Presiden yang menjadi ketua negara sedang tanggung jawab kepada umat adalah terletak di bawah kabinet yang diketuai oleh seorang Perdana Menteri. Perdana Menteri dan jemaah menteri-nya itulah yang bertanggungjawab kepada keselamatan umat – bukannya presiden; dan di dalam sistem pemerintahan yang serupa ini maka presiden tidak boleh berbuat sesukanya sahaja, sama ada di dalam ucapannya atau perjalanannya – melainkan lebih dahulu disetujui oleh jemaah menteri yang memerintah negara.

Jika tidak begitu, yakni jika seseorang presiden hendak berbuat sekehendaknya sahaja, maka yang demikian tidak lagi sifatnya sebagai presiden di dalam sesebuah negara tetapi bersifat diktator.

Presiden Sukarno sentiasa menafikan bahawa beliau mahu jadi diktator. Majalah tentera yang pernah keluar hanya sekali sahaja pernah membuat kartun berderet-deret – mulai dari Stalin, Hitler, Musolini, dan akhirnya Presiden Sukarno dengan tanda tanya (?). Tanda tanya itu ertinya tidak lain adakah Presiden Sukarno itu diktator?!

Sebab-sebab terbit pertanyaan itu tidak lain ialah bahawa di hadapan umum beliau berlaku tidak sebagai diktator, dan tidak memihak mana-mana parti tetapi di dalam amalannya adalah

sebaliknya kerana ucapan-ucapan yang diucapkan beliau di hadapan umum selalunya tidak dapat dipertanggungjawabkan.

Sebagaimana disebut bahawa dalam cara pemerintahan yang berjalan sekarang yang bertanggungjawab ialah jemaah menteri maka tiap-tiap ucapan presiden di hadapan umum sebelumnya mestilah diketahui oleh jemaah menteri itu. Tetapi apa yang telah dilakukan oleh Presiden Sukarno? Beliau selalunya berucap mengikut suka dan sedapnya sendiri sahaja - tidak lagi memikirkan akibat-akibat yang bakal terbit daripada kesan ucapan beliau itu.

Pada masa sebelum tahun 1951 beliau di sana sini telah memberi ucapan yang menggembirakan umat menyatakan bahawa “sebelum terbit matahari tahun 1951 Irian Barat mesti terletak di tangan kita!”. Kegembiraan dan semangat umat telah naik ke kemuncaknya – akibatnya di sana sini timbul perasaan anti-Belanda dan bangsa asing dan akhirnya terjadi perkara-perkara yang tidak baik kepada Belanda. Pembunuhan dan penculikan berlaku - dan tidak di situ sahaja. Perkara itu telah merebak sehingga heboh-heboh pula supaya seluruh perusahaan-perusahaan Belanda diboikot dan diadakan pemboikotan kepada perusahaan perkapalan Belanda (K.P.M.) yang boleh dikata memonopoli perhubungan di antara pulau ke pulau di Indonesia itu.

Melihat keadaan yang serupa itu – dan melihat Bung Karno semahu-mahunya sahaja bercakap sedang yang bertanggung jawab dalam semua perkara ialah jemaah menteri, (masa itu jemaah menteri Mohamad Natsir) maka sepulangnya dari Filipina, dikatakan, bahawa Perdana Menteri Natsir telah menghadap Presiden menuntut supaya tiap-tiap perkara yang hendak diucapkan oleh Presiden di hadapan umum hendaklah terlebih dahulu mendapat persetujuan daripada jemaah menteri. Bung Karno dikatakan tidak mahu menerima teguran yang serupa itu sehingga menyebabkan terjadi pertengkaran-pertengkaran

hebat di antara Bung Karno dan Mohamad Natsir.

Mohamad Natsir dan jemaah menterinya berpendapat bahawa menaikkan semangat umat sekarang sememangnya mudah tetapi akibatnya adalah mengenai rakyat jelata sendiri. Disebabkan kekuatan Indonesia belum mencukupi bagi menghadapi segala sesuatu yang terbit daripada kesan perbuatan-perbuatan yang diterbitkan oleh ucapan-ucapan Presiden itu.

Mahu Irian Barat – sememangnya cita-cita tiap-tiap orang Indonesia tetapi kalau diadakan pemboikotan – umpamanya perkapalan siapa yang bakal menderita. Jawabnya kebanyakan tempat-tempat akan menderita kelaparan! Siapa? Umat Indonesia sendiri.

Baru-baru ini, berkenaan dengan Irian, Presiden Sukarno mengatakan tidak perlu lagi diadakan tuntutan-tuntutan secara diplomasi, Irian mesti dituntut dengan jalan “revolusi”. Sebahagian pemimpin-pemimpin di Indonesia tentu bertanya apa bolehkah Indonesia menghadapi perlawanan merebut Irian Barat dengan “revolusi” sedang di dalam negara Indonesia di sana sini ada pemberontakan dan rakyat di sana sini sedang menderita dan di dalam kemelaratan? Tidak, Bung! Kata mereka. Bercakap mudah tetapi melaksanakan payah dan sukar sedang akibatnya (risikonya) berat – tanggungjawabnya berat.

Tahun 1951 telah lewat tetapi Irian Barat tidak terletak di dalam tangan Sukarno. Untuk menutupinya ia mengatakan “Aku orang katakan sudah gila Irian!” Irian masih tetap di tangan Belanda. Di sebalik itu pula usaha-usaha membangun negeri terbelengkalai. Sehingga kepada jemaah menteri Wilopo Sukarno terpaksa meredakan ucapan-ucapannya tetapi di sebalik tuntutan-tuntutan kepada Irian timbul ucapan-ucapan yang menggugat faham-faham yang tidak disetujuinya.

Perkara ucapannya di Amuntai (Kalimantan selatan) telah menggemparkan umat Islam kerana Bung Karno, tatkala

sambungan pada muka 39

Kelasi Sepanyol di jalan tergalang,	Pelayarannya itu tidaklah rugi.	285. Belanda, Perancis, British pun juga,
Orang di benua lalu diserang.	283. Tetapi, nasib Magellan sudahlah begitu,	Kepada perniagaan terlalu dahaga,
181 Magellan yang pandai melayarkan kapal, Kapalnya sampai ke Amerika Selatan. Melalui selat terlalulah handal,	Maut yang menanti tidak disangka, Dalam perjuangan yang terjadi di situ, Terbunuhlah Magellan, nakhoda ternama.	Jalan ke Timur Portugis menjaga, Sesaklah mereka tidak terhingga.
Terus ke Pasifik tiada sekatan.	284. Portugal dan Sepanyol di Timur dan Barat, Mengembangkan empayar cergas dan hebat, Hindi dan Atlantik dikawal rapat, Orang yang datang semua dihambat.	286. Saratlah kapal Portugis, Sepanyol, Mengangkut khazanah Timur dan Barat, Belanda, British, semuanya <i>masyghul</i> , Melihat dagangan yang payah didapat. (bersambung)
282. Belayarlah ia tidak berhenti, Sampai ke Timur sekali lagi, Kepulauan Melayu yang telah dilawati.		

(sambungan dari muka 9)
menjawab pertanyaan umum, menyatakan bahawa beliau tidak mahu negara Islam. Beliau mahu negara Pancasila dan beliau menuduh bahawa jika negara Islam, Indonesia akan berpecah-belah dan beliau mengupas terus hal ini sehingga di dalam ucapan beliau di Medan baru-baru ini (dalam minggu yang kedua bulan Disember 1955) beliau telah mendatangkan pertanyaan kepada umat dengan memulai “Adakah kamu mahu negara komunis...kamu mahu negara imperialis...kamu mahu negara India... dan seterusnya kamu mahu negara Islam ... semuanya kerana sudah terjawab “tidak” daripada permulaannya akhirnya negara Islam juga tidak! Habis yang dikehendakinya “Negara Pancasila” ciptaan P. N. I. - parti yang didirikannya pada tahun 1929 dahulu.

Sifatnya sebagai presiden tidaklah boleh menyalahi sesuatu parti tapi segala perbuatannya adalah

sebaliknya. Tatkala kedudukan jemaah menteri Ali - Arifin terugat (jemaah menteri P. N. I. yang disokong oleh komunis) maka Presiden Sukarno mengadakan satu ucapan di Palembang bahawa beliau ada mempunyai dokumen-dokumen yang menyatakan usaha-usaha sebahagian pemimpin yang berniat merobohkan jemaah menteri itu menerima wang suap daripada Imperialis. Sebahagian besar pemimpin-pemimpin terutamanya pemimpin-pemimpin yang berdiri di pihak pembangkang berasa tersinggung dan menuntut supaya Presiden menerangkan siapa-siapa orangnya yang telah menerima wang suap kerana yang demikian itu sebenarnya pengkhianat kepada negara.

Akhirnya dapat diketahui bahawa dokumen itu palsu dan di antara nama-nama yang terbabit dengan penerimaan wang suap itu termasuk Mr. Yusof Wibosono salah seorang kuat Masyumi. Kesan daripada ucapan itu sudah terang bahawa langkah-langkah yang dijalankan oleh Presiden bukannya membawa persatuan sebab apabila

timbul tuduh-menuduh dengan tidak berasas, akibatnya umat berpecah-belah dan rakyat jelata menderita kerana percaya mempercayai tidak ada lagi.

Pada akhir-akhir masa ini – di dalam bulan November – Disember 1955 dalam lawatannya ke Bandung Presiden telah mengadakan pula satu ucapan dengan menyatakan bahawa beliau ada pula mempunyai dua dokumen seperti yang disebut di dalam permulaan tulisan ini. Kesannya sekali lagi umat menuntut keterangan dan perkara ucapan di Palembang dahulu berbangkit semula.

Presiden baru-baru ini telah melawat merata-rata Indonesia sebelum pemilihan 15 Disember iaitu mengenai pemilihan Dewan Perlembagaan (*constituency*). Tidak diketahui adakah lawatannya itu hanya dengan kemahuan sendiri atau disetujui oleh jemaah menteri Burhanuddin Harahap. Yang dapat diketahui hanya ada pertanyaan-pertanyaan bertulis di dalam parlimen yang menuntut kenyataan dalam perkara ini kerana mereka nampak bahawa perjalanan itu adalah berbau siasah berat sebelah. Mereka melihat lawatannya itu adalah kerana mempropagandakan “partinya” (P. N. I.) dan sebab itulah beliau telah banyak pergi ke tempat-tempat yang parti itu dikalahkan oleh parti-parti Islam dalam Pemilihan Umum Dewan Perwakilan Rakyat 29 September yang lalu. Untuk melancarkan lagi pengaruh-pengaruhnya kepada umat yang tidak mengerti hujung pangkalnya – hanya menjadi pengikut sahaja, maka Bung Karno dikatakan telah memerintahkan supaya gambaran (filem) pemergiannya ke haji itu ditunjuk.

Apakah ertinya ini?! Tidak lain hanya untuk menarik umat bahawa Bung Karno seorang Islam yang beribadat dan memandang Islam itu hanya tersekat kepada ibadat semata tidak kepada negara sebab itulah negara yang dikehendaknya

negara Pancasila – tidak negara Islam.

Firdaus A. N (Masyumi) dalam ucapannya di hadapan umum – di antara lain-lain menyatakan bahawa “Bung Karno selalu memuja-muja kebesaran Nabi Muhammad sallā Allāh ‘alaihi wa sallam tetapi beliau tidak mahu mengikut ajarannya itu bahkan beliau sendiri menentangnya” dan di dalam masa yang akhir ini menurut pendapat kita memusuhinya.

Apakah ertinya semua ini? Jawabnya tidak lain kerana mempertahankan kedudukan diri sendiri. Masyumi, harus juga pertubuhan-pertubuhan Islam yang lainnya menghendakkan hukum-hukum Islam dijalankan di Indonesia, dengan cara yang beransur-ansur; dan selain daripada itu dengan sokongan beberapa pertubuhan-pertubuhan lain di Indonesia dikehendaki supaya cara pemerintahan yang akan datang ialah *Presidential Cabinet* yakni suatu cara pemerintahan iaitu Presiden adalah bertanggungjawab sebagai ketua pemerintah (cara Amerika) tidak *Parliament Cabinet* seperti yang ada sekarang ini. Jadinya jika Sukarno dan P. N. I. kalah ertinya kedudukannya sebagai Presiden yang tidak boleh diganggu-gugat itu akan hapus. Inilah sebab-sebabnya mengapa Bung Karno pergi ke sana-sini sebelum pemilihan *constituency* 15 Disember itu. Sekalipun hal-hal yang serupa ini dinafikannya tetapi keadaan dan caranya atau gerak-gerinya zahir bahawa ia takut umat Islam menang kerana dengan kemenangan umat Islam bermakna kejatuhannya! Sebab itulah ia sentiasa melemparkan tuduhan-tuduhan kepada orang lain untuk memecahkan persatuan umat tetapi hakikatnya Presiden sendiri pada masa ini berusaha memecahkan persatuan umat Islam – menghidup-hidupkan fahaman bertua-muda di antara Masyumi dan Nahdhatul Ulama. Mudah-mudahan pemimpin-pemimpin Islam sedar akan langkah-langkah Bung Karno yang hendak memecahkan persatuan umat Islam - Amīn.